

# Cadang naik taraf Klinik Kesihatan Parit Raja

**BATU PAHAT** - Pertambahan penduduk di pekan Parit Raja dan kawasan sekitarnya memerlukan beberapa kemudahan asas di kawasan itu dinaik taraf termasuklah Klinik Kesihatan Parit Raja.

Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, naik taraf kemudahan itu selaras dengan pembangunan di kawasan terbabit, yang juga telah dirancang untuk menjadi 'Bandar Universiti' tidak lama lagi.

Menurutnya, pekan Parit Raja bukan sahaja dihuni penduduk setempat, tetapi didiami pelajar dari dalam dan luar negara memandangkan di kawasan itu terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPT).

"Di sini terdapatnya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm), Kolej PolyTech Mara (KPTM), Kolej Jururawat dan GiatMara.

"Dalam masa sama beberapa tempat di sini bakal membangun kerana terletaknya stesen kereta api laju (HSR) dan terdapat juga beberapa kawasan perindustrian. Saya percaya jika ia tidak dinaik taraf segera, akan memberikan kesan kepada



Ab Aziz (dua, kanan) mendengar penerangan mengenai penjagaan kesihatan wanita pada program berkenaan.

kita juga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Hari Produktif Wanita, Klinik Kesihatan Parit Raja dan Keluarga yang turut dihadiri Pengasas Johor I Care Society, Latipah Sa'at serta Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Parit Raja, Dr Dian Nazlee Abd Rahman.

Ab Aziz berkata, sebanyak 1.6 hektar tanah disediakan untuk menaik taraf kemudahan kesihatan di Parit Raja.

Katanya, dalam perancangan, klinik kesihatan yang ketika ini hanya mempunyai empat doktor bakal

ditambah kepada 10 doktor, selain akan mempunyai unit rawatan kecemasan bagi kes serius.

"Kini ia masih di peringkat awal, dan kami akan memastikan cadangan ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat agar dapat mengimbangi pertambahan penduduk.

"Kemudahan klinik berkenaan perlu dinaik taraf kerana Hospital Sultanah Nora Ismail juga semakin sesak. Sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan kesesakan selain sebagai rawatan awal kepada setiap kes," katanya.